



# **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) TEMPATAN**

## **Perubatan Tradisional Cina**

**MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**2021**

**KANDUNGAN****Mukasurat**

<b>Pengenalan</b>	<b>2</b>
<b>Jenis-Jenis Permohonan</b>	<b>5</b>
<b>Pembatalan Pendaftaran</b>	<b>11</b>
<b>Permohonan Kemasukan Semula Nama Dalam Daftar</b>	<b>13</b>
<b>Proses Rayuan</b>	<b>14</b>
<b>Tanggungjawab Pengamal Berdaftar</b>	<b>15</b>
<b>Pembayaran Fi Dan Maklumat Tambahan</b>	<b>15</b>
<b>Jadual 1: Senarai Kelulusan Yang Boleh Didaftarkan Untuk Pengamal PTC Di Bawah Akta PT&amp;K 2016 (Akta 775)</b>	<b>17</b>
<b>Jadual 2: Senarai Nama Kolej Perubatan Tradisional Cina Tempatan Sebelum Penguatkuasaan Akta PT&amp;K 2016</b>	<b>18</b>
<b>Jadual 3: Bayaran Fi</b>	<b>19</b>
<b>Lampiran 1: Aliran Proses Pendaftaran Pengamal PT&amp;K Warga Tempatan</b>	<b>20</b>

## 1.0 PENGENALAN

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [*Akta 775*] telah diwartakan pada 10 Mac 2016 dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2016. Akta ini mewajibkan semua pengamal perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) yang ingin mengamal di Malaysia untuk berdaftar dengan Majlis PT&K yang ditubuhkan di bawah Akta ini. Mengikut seksyen 25 Akta 775, “seseorang yang bukan seorang pengamal berdaftar tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, mengamalkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari.”

### 1.1 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan penerangan tentang proses permohonan pendaftaran dan kriteria pendaftaran untuk pengamal perubatan tradisional Cina (PTC) sepanjang tempoh peralihan.

Garis panduan ini telah dibentangkan dan mendapatkan persetujuan daripada Majlis PT&K. Garis panduan ini berkuat kuasa serentak dengan penguatkuasaan Peraturan PT&K.

### 1.2 Tafsiran

**Tempoh peralihan** untuk tujuan pendaftaran pengamal adalah tempoh masa yang ditetapkan untuk membenarkan pengamal yang dikategorikan sebagai golongan 'grandfathering' iaitu pengamal tanpa kelayakan asas yang diiktiraf tetapi berkemahiran dan berpengalaman dalam sesuatu bidang amalan yang diiktiraf, untuk berdaftar dengan Majlis PT&K mengikut keperluan yang dinyatakan.

Tempoh peralihan merujuk kepada subperaturan 1 (3) Peraturan-Peraturan PT&K 2021 dan mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2021 hingga 29 Februari 2024.

**Perubatan tradisional Cina** adalah pengumpulan pengalaman jangka panjang yang berharga dalam memahami kehidupan, menjaga kesihatan dan mengatasi penyakit berdasarkan budaya dan amalan orang Cina. PTC dibahagikan kepada beberapa pecahan subbidang berdasarkan kaedah-

kaedah rawatan iaitu herba Cina, akupunktur dan moksibusi, bekam Cina dan tuina.

**Herba Cina** kaedah rawatan yang diperolehi daripada ubatan semula jadi dan produk semula jadi yang telah diproses, termasuk ubatan botani, ubatan haiwan, mineral dan sebahagian ubat kimia dan biologi.

**Akupunktur** merupakan kaedah untuk mencegah dan merawat penyakit berdasarkan teori Yin-Yang dan lima elemen, Zang-fu, meridian serta akupoin dalam Perubatan Tradisional Cina. Rawatan klinikal merangkumi meridian dan akupoin. Akupunktur juga boleh digabungkan dengan rawatan bekam moksibusi dan *electroacupuncture*.

**Moksibusi** merupakan kaedah rawatan untuk mencegah dan merawat penyakit dengan menggunakan bahan mudah terbakar tertentu seperti daun *wormwood* bagi memanaskan permukaan badan tertentu untuk melaraskan fungsi meridian dan organ dalaman.

**Bekam Cina** merupakan kaedah untuk mencegah dan merawat penyakit dengan menggunakan peralatan bekam pada akupoin atau permukaan badan yang lain untuk mewujudkan kepadatan kulit dan stasis darah di bahagian tersebut.

**Tuina** merupakan kaedah rawatan luaran dengan menggunakan terapi manipulatif dan latihan senaman. Terapi manipulatif merujuk kepada kaedah rawatan di mana pengamal menggunakan tangannya atau anggota badan yang lain, atau dengan bantuan peralatan tertentu, untuk melakukan pergerakan standard pada permukaan tubuh pesakit untuk mencegah dan merawat penyakit, manakala latihan senaman bertujuan untuk menggiatkan dan memanjangkan kesan rawatan.

**Kelayakan diiktiraf** merujuk kepada kelayakan yang diiktiraf oleh Majlis PT&K termasuk kelayakan akademik atau perakuan kemahiran yang berkaitan.

**Kursus Pembangunan Kapasiti** merujuk kepada kursus yang perlu dihadiri oleh golongan pengamal tertentu dalam bidang amalan perubatan tradisional Melayu, Cina, India dan Homeopati sahaja sepanjang tempoh peralihan, dan merupakan salah satu kriteria pendaftaran dalam bidang amalan diiktiraf untuk golongan pengamal tersebut.

**Perakuan Pengamal Berdaftar** adalah suatu dokumen yang akan diberikan kepada pengamal yang memenuhi keperluan pendaftaran yang telah ditetapkan oleh Majlis PT&K.

**Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar** adalah suatu dokumen yang akan diberikan kepada pengamal berdaftar untuk membolehkan pengamal mengamalkan secara sah. Dokumen tersebut perlu diperbaharui setiap tahun.

## 2.0 JENIS- JENIS PERMOHONAN

### 2.1 Permohonan Untuk Pendaftaran Sementara

Subseksyen 22(1) Akta PT&K 2016 menyatakan bahawa seseorang yang ingin mengamal dalam bidang amalan PT&K yang diiktiraf perlu mendaftar sementara. Namun, Mesyuarat Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari Bil. 2/2017 melalui Kertas Pertimbangan Pengecualian Pengendalian Kursus Latihan (Residency) Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) telah bersetuju mengecualikan pengendalian kursus latihan (residency) PT&K sehingga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersedia untuk pelaksanaannya bagi semua pengamal PT&K berdasarkan sumber yang sedia ada. Oleh yang demikian, sepanjang tempoh peralihan ini dan sehingga pihak KKM bersedia untuk melaksanakan kursus latihan tersebut, semua pengamal PT&K dikecualikan daripada mengikutinya.

### 2.2 Permohonan Untuk Pengecualian Pendaftaran Sementara

Berdasarkan Subseksyen 63(3) Akta 775, pengamal yang telah berdaftar dengan badan pengamal lantikan KKM sebelum Akta 775 dikuatkuasakan dikecualikan daripada keperluan pendaftaran sementara dan boleh terus mengemukakan permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar tertakluk kepada syarat yang ditetapkan

**Pengamal yang tidak pernah berdaftar dengan badan pengamal lantikan KKM sebelum Akta 775 dikuatkuasakan** dan ingin mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf **perlu membuat permohonan untuk pengecualian pendaftaran sementara**. Pengamal tersebut akan dikecualikan daripada keperluan pendaftaran sementara oleh Majlis PT&K sekiranya memenuhi syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini.

#### 2.2.1 Syarat Permohonan Untuk Pengecualian Pendaftaran Sementara Dalam Tempoh Peralihan

Pengamal yang ingin membuat permohonan untuk pengecualian pendaftaran sementara perlu memenuhi syarat berikut iaitu:

- i. mempunyai kelayakan diiktiraf dalam bidang amalan PTC (sila rujuk Jadual 1 dan 2); atau
- ii. mempunyai pengalaman mengamal selama  $\geq 10$  tahun dalam bidang amalan PTC yang telah disahkan.

### 2.2.2 Dokumen Yang Perlu Dilampirkan Bersama Permohonan Untuk Pengecualian Pendaftaran Sementara

Permohonan untuk pengecualian pendaftaran sementara hendaklah disertakan bersama-sama dokumen berikut:

- i. Borang Maklumat Pemohon (Bahagian A & B);
- ii. Borang Permohonan Untuk Pengecualian Pendaftaran Sementara (Borang C);
- iii. Salinan kad pengenalan;
- iv. Salinan bukti kelayakan diiktiraf dalam bidang amalan PTC (sila rujuk Jadual 1 dan 2)\*; atau
- v. Bukti pengalaman mengamal selama  $\geq 10$  tahun dalam bidang amalan PTC yang telah disahkan\*\*.

#### **Nota:**

- \*i. Bukti kelayakan yang bukan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris perlu diterjemahkan oleh penterjemah yang sah iaitu:
  - (a) Penterjemah Mahkamah Malaysia yang diiktiraf; atau
  - (b) Notari Awam; atau
  - (c) Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM); atau
  - (d) Persatuan Penterjemah Malaysia
- \*\* ii. Pengalaman mengamal boleh disahkan oleh:
  - (a) Ketua kampung/ penghulu/ pengerusi persatuan penduduk atau rukun tetangga/ ketua rumah panjang tempat pengamal bermastautin; atau
  - (b) Majikan tempat pengamal bekerja; atau
  - (c) Pengetua/ pengurusan tertinggi institusi yang berkaitan; atau
  - (d) Pengerusi badan pengamal yang ditetapkan bagi PTC
- iii. Semua dokumen yang dihantar perlu disahkan sama ada oleh pegawai kerajaan pengurusan profesional (Gred 41 atau setaraf dan ke atas), pengamal undang-undang, pesuruhjaya sumpah/ jaksa pendamai, pengetua/ guru besar sekolah kerajaan, ketua kampung/ penggawa/ penghulu/ ketua masyarakat/ sidang, untuk Sabah dan Sarawak: ketua kaum/ ketua anak negeri/ kapitan/ pamanca.
- iv. Sekiranya pemohon didapati memperolehi kelayakan diiktiraf (diploma/ijazah) melalui kaedah yang tidak sah (contohnya program pengajian yang tidak diakreditasi oleh pihak yang kompeten) dari institusi yang tersenarai di Jadual 1, Majlis PT&K boleh mengarahkan pemohon tersebut untuk menduduki dan lulus dalam sesuatu peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh Majlis PT&K sebelum

permohonan tersebut boleh dipertimbangkan. Ini hanya terpakai untuk pemohon di mana kemasukan ke program pengajian PTC yang berkaitan adalah dari 2009 sehingga 2019.

Perakuan Pengecualian (Borang D) akan dikeluarkan oleh Majlis kepada pengamal yang layak dikecualikan daripada Pendaftaran Sementara sebagai pembuktian pengecualian tersebut [Seksyen 22(11), Akta 775].

## **2.3 Permohonan Untuk Pendaftaran Sebagai Pengamal Berdaftar**

Pengamal yang layak membuat permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar ialah:

- i. Pengamal yang telah berdaftar dengan Badan Pengamal Iantikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum penguatkuasaan Akta [Seksyen 63 (3), Akta 775].
- ii. Pengamal yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam bidang amalannya dengan pembuktian yang memenuhi keperluan Majlis dan telah dikecualikan daripada pendaftaran sementara [Seksyen 22 (10), Akta 775].

### **2.3.1 Syarat Permohonan Untuk Pendaftaran Sebagai Pengamal Berdaftar Dalam Tempoh Peralihan**

Pengamal yang ingin membuat permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar perlu memenuhi syarat berikut iaitu:

- i. mempunyai kelayakan diiktiraf oleh Majlis PT&K bagi bidang amalan PTC yang ingin didaftarkan (sila rujuk Jadual 1 dan 2);  
atau
- ii. mempunyai pengalaman mengamal dalam bidang amalan PTC yang ingin didaftarkan selama  $\geq 10$  tahun yang telah disahkan.

### 2.3.2 Dokumen Yang Perlu Dilampirkan Bersama Dengan Permohonan Untuk Pendaftaran Sebagai Pengamal Berdaftar

Permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar hendaklah disertakan bersama-sama dokumen berikut:

- i. Borang Maklumat Pemohon (Bahagian A & B);
- ii. Borang Permohonan Untuk Pendaftaran Sebagai Pengamal Berdaftar (Borang E);
- iii. Salinan kad pengenalan atau pasport;
- iv. Salinan bukti kelayakan diiktiraf dalam bidang amalan PTC (sila rujuk Jadual 1 dan 2)\*; dan/atau
- v. Bukti pengalaman mengamal selama  $\geq 10$  tahun dalam bidang amalan PTC\*\*;
- vi. Sijil keahlian sebagai ahli badan pengamal lantikan KKM sebelum penguatkuasaan Akta iaitu sebelum 1 Ogos 2016 (sekiranya berkenaan);
- vii. Salinan perakuan pengecualian (sekiranya berkenaan);
- viii. Bukti kehadiran Taklimat Akta PT&K 2016 dan Kewajipan Pengamal Berdaftar;
- ix. Bayaran fi seperti dalam Jadual 3.

**Nota:**

- \*i. Bukti kelayakan yang bukan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris perlu diterjemahkan oleh penterjemah yang sah iaitu:
- (a) Penterjemah Mahkamah Malaysia yang diiktiraf; atau
  - (b) Notari Awam; atau
  - (c) Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM); atau
  - (d) Persatuan Penterjemah Malaysia
- \*\* ii. Pengalaman mengamal boleh disahkan oleh:
- (a) Ketua kampung/ penghulu/ pengerusi persatuan penduduk atau rukun tetangga/ ketua rumah panjang tempat pengamal bermastautin; atau
  - (b) Majikan tempat pengamal bekerja; atau
  - (c) Pengetua/ pengurusan tertinggi institusi yang berkaitan; atau
  - (d) Pengerusi badan pengamal yang ditetapkan bagi PTC
- iii. Semua dokumen yang dihantar perlu disahkan sama ada oleh pegawai kerajaan pengurusan profesional (Gred 41 atau setaraf dan ke atas), pengamal undang-undang, pesuruhjaya sumpah/ jaksa pendamai, pengetua/ guru besar sekolah kerajaan, ketua kampung/ penggawa/ penghulu/ ketua masyarakat/ sidang, untuk Sabah dan Sarawak: ketua kaum/ ketua anak negeri/ kapitan/ pamanca.

- iv. Sekiranya pemohon didapati memperolehi kelayakan diiktiraf (diploma/ijazah) melalui kaedah yang tidak sah (contohnya program pengajian yang tidak diakreditasi oleh pihak yang kompeten) dari institusi yang tersenarai di Jadual 1, Majlis PT&K boleh mengarahkan pemohon tersebut untuk menduduki dan lulus dalam sesuatu peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh Majlis PT&K sebelum permohonan tersebut boleh dipertimbangkan. Ini hanya terpakai untuk pemohon di mana kemasukan ke program pengajian PTC yang berkaitan adalah dari 2009 sehingga 2019.

### 2.3.3 Perakuan Pengamal Berdaftar

Perakuan Pengamal Berdaftar (Borang F) akan dikeluarkan oleh Majlis kepada pengamal yang layak berdaftar [Seksyen 23(5), Akta 775] sekiranya mengemukakan semua dokumen lengkap dan;

- i. Pemohon mempunyai kelayakan diiktiraf (sila rujuk Jadual 1) dan mengemukakan bukti kehadiran Taklimat Akta PT&K 2016; atau
- ii. Pemohon tidak mempunyai kelayakan diiktiraf tetapi mempunyai pengalaman mengamal dalam bidang amalan PTC selama  $\geq 10$  tahun yang telah disahkan, berumur  $\geq 50$  tahun dan mengemukakan bukti kehadiran Taklimat Akta PT&K 2016 dan Kewajipan Pengamal Berdaftar\*\*\*; atau
- iii. Pemohon tidak mempunyai kelayakan diiktiraf tetapi mempunyai pengalaman mengamal dalam bidang amalan PTC  $\geq 10$  tahun yang telah disahkan, berumur  $< 50$  tahun dan mengemukakan bukti kehadiran Taklimat Akta PT&K 2016 dan Kewajipan Pengamal Berdaftar serta mengemukakan bukti kehadiran memenuhi sebanyak 80% daripada jumlah jam Kursus Pembangunan Kapasiti\*\*\*\*.

**Nota:**

\*\*\* i) Telah menghadiri Taklimat Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 serta Kewajipan Pengamal Berdaftar- syarat ini dikecualikan bagi 69 pengamal PTC yang telah menghadiri Bahagian B, Projek Perintis Kursus Peningkatan Kompetensi Pengamal Perubatan Tradisional Cina yang telah dianjurkan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari pada tahun 2015.

\*\*\*\* ii) Telah memenuhi syarat kehadiran bagi kursus pembangunan kapasiti (telah memenuhi sebanyak 80% daripada jumlah jam kursus) bagi

pengamal perubatan tradisional Melayu, Cina, India dan Homeopati sahaja - **syarat ini hanya terpakai untuk perkara 2.3.1 (b) bagi pengamal yang berumur kurang daripada 50 tahun dan syarat ini dikecualikan bagi 37 pengamal yang telah menghadiri Bahagian A dan B Projek Perintis Kursus Peningkatan Kompetensi Pengamal Perubatan Tradisional Cina yang telah dianjurkan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari pada tahun 2015.**

#### **2.3.4 Penolakan Permohonan Untuk Pendaftaran Sebagai Pengamal Berdaftar**

Sekiranya permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar ditolak oleh Majlis PT&K, pemohon boleh membuat rayuan kepada Menteri dalam masa **tiga puluh (30) hari** selepas diberitahu mengenai penolakan tersebut [Seksyen 23(7), Akta 775].

#### **2.4 Permohonan Untuk Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar**

Pengamal berdaftar dikehendaki memohon dan mendapatkan Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar untuk mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf.

#### **Dokumen Yang Perlu Dilampirkan Bersama Permohonan Untuk Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar**

Permohonan untuk perakuan pengamalan pengamal berdaftar hendaklah disertakan bersama-sama dokumen yang berikut:

- i. Borang Permohonan Untuk Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (Borang I);
- ii. Salinan kad pengenalan; dan
- iii. Bayaran fi seperti dalam Jadual 3.

Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (Borang K) akan dikeluarkan mengikut bidang amalan diiktiraf yang dipohon.

## **2.5 Permohonan Untuk Pembaharuan Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar**

Permohonan untuk pembaharuan perakuan pengamalan tahunan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh luput perakuan pengamalan yang terdahulu.

### **Dokumen Yang Perlu Dilampirkan Bersama Permohonan Untuk Pembaharuan Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar**

Permohonan untuk pembaharuan perakuan pengamalan pengamal berdaftar hendaklah disertakan bersama-sama dokumen berikut:

- i. Borang Maklumat Pemohon (Bahagian A sahaja);
- ii. Borang Permohonan Untuk Pembaharuan Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (Borang J);
- iii. Salinan kad pengenalan; dan
- iv. Bayaran fi seperti dalam Jadual 3.

Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (Borang K) akan dikeluarkan mengikut bidang amalan diiktiraf yang dipohon.

Sila rujuk Lampiran 1 untuk keseluruhan proses pendaftaran pengamal PT&K warga tempatan.

## **3.0 PEMBATALAN PENDAFTARAN**

Mana-mana pengamal berdaftar yang didapati melakukan sesuatu kesalahan atau dikenakan hukuman tatatertib di bawah Seksyen 27 dan Seksyen 37 Akta 775 akan:

- i. digantung namanya daripada Daftar; atau
- ii. dipotong namanya daripada Daftar.

### 3.1 Nama Pengamal Berdaftar Digantung Daripada Daftar

Mana-mana pengamal berdaftar yang namanya telah digantung daripada Daftar di bawah Seksyen 27 dan 37 (c) Akta 775;

- i. Perakuan pengamalan pengamal berdaftar akan ditarik balik oleh Majlis.
- ii. Pembatalan pendaftaran akan direkodkan dan namanya digantung daripada Daftar.
- iii. Pengamal hendaklah menghentikan segala amalannya atas arahan Majlis sama ada dalam tempoh rayuan atau setelah keputusan pembatalan telah dimuktamadkan.
- iv. Apabila tempoh penggantungan tersebut tamat, pengamal berhak untuk memohon perakuan pengamalan pengamal berdaftar beliau dikembalikan sekiranya perakuan tersebut masih sah tempoh lakunya.

### 3.2 Nama Pengamal Berdaftar Dipotong Daripada Daftar

Mana-mana pengamal berdaftar yang pendaftarannya dibatalkan di bawah Seksyen 27 dan 37(e) Akta 775;

- i. Perakuan pengamal berdaftar dan perakuan pengamalan pengamal berdaftar akan ditarik balik oleh Majlis.
- ii. Pembatalan pendaftaran akan direkodkan dan namanya dipotong daripada Daftar.
- iii. Pengamal hendaklah menghentikan segala amalannya atas arahan Majlis sama ada dalam tempoh rayuan atau setelah keputusan pembatalan telah dimuktamadkan.
- iv. Pengamal dibenarkan mengamal semula dalam bidang amalan diiktiraf hanya apabila pengamal tersebut didaftarkan semula oleh Majlis dan mempunyai perakuan pengamalan pengamal berdaftar yang sah.

## 4.0 PERMOHONAN KEMASUKAN SEMULA NAMA DALAM DAFTAR

- i. Pengamal berdaftar yang pendaftarannya dibatalkan di bawah seksyen 27 boleh memohon untuk didaftarkan semula dengan Majlis mengikut ketetapan yang berikut:
  - (a) Memohon selepas tamat tempoh tiga puluh enam (36) bulan dari tarikh pembatalan; **atau**
  - (b) Apa-apa tempoh lain yang dinyatakan dalam alasan dan keputusan pembatalan pendaftaran itu.
- ii. Permohonan ini tertakluk kepada ketetapan Majlis dalam pertimbangan untuk mendaftarkan semula pengamal yang pendaftarannya dibatalkan dibawah Seksyen 27.
- iii. Pengamal yang namanya telah dipotong daripada Daftar di bawah peruntukan perenggan 37(1)(e) juga boleh memohon kepada Majlis untuk mendaftar semula dan tertakluk kepada ketetapan Majlis.

### 4.1 Permohonan Untuk Pengembalian Perakuan Pengamalan Selepas Penggantungan

Pengamal yang namanya telah digantung daripada Daftar boleh membuat permohonan untuk pengembalian Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (jika tempoh perakuan itu dikeluarkan masih belum tamat) dengan mengemukakan dokumen seperti yang berikut:

- i. Borang Maklumat Pemohon;
- ii. Borang Permohonan Untuk Pengembalian Perakuan Pengamalan Selepas Penggantungan (Borang L);
- iii. Salinan kad pengenalan;
- iv. Bukti kelayakan diiktiraf:
  - a) Diploma/ Ijazah (sila rujuk Jadual 1 dan 2); dan
  - b) Transkrip akademik; atau
  - c) Sijil Kehadiran Kursus Pembangunan Kapasiti
- v. Dokumen sokongan atau maklumat lain yang berkaitan dengan penggantungan nama;

- vi. Dokumen atau maklumat lain berkaitan yang diperlukan oleh Majlis;
- vii. Sekiranya baki tempoh sah laku Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar kurang daripada 30 hari, permohonan pembaharuan perakuan pengamalan perlu dibuat dengan bayaran penuh; dan
- viii. Bayaran fi seperti dalam Jadual 3.

#### **4.2 Permohonan Untuk Kemasukan Semula Nama Dalam Daftar**

Pengamal yang namanya telah dipotong daripada Daftar boleh membuat permohonan untuk kemasukan semula nama dalam Daftar dengan mengemukakan dokumen seperti yang berikut:

- i. Borang Maklumat Pemohon Untuk Kemasukan Semula Nama Dalam Daftar;
- ii. Borang Permohonan Untuk Kemasukan Semula Nama Dalam Daftar (Borang M);
- iii. Salinan kad pengenalan;
- iv. Bukti kelayakan diiktiraf iaitu:
  - a) Diploma/ Ijazah (sila rujuk Jadual 1 dan 2); dan
  - b) Transkrip akademik; atau
  - c) Sijil Kehadiran Kursus Pembangunan Kapasiti
- v. Dokumen sokongan atau maklumat lain yang berkaitan dengan pemotongan nama;
- vi. Dokumen atau maklumat lain berkaitan yang diperlukan oleh Majlis;
- vii. Sekiranya pendaftaran semula diluluskan oleh Majlis, pengamal dikehendaki untuk membuat permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar dan perakuan pengamalan pengamal berdaftar seperti dalam perkara 2.3 dan 2.4; dan
- viii. Bayaran Fi seperti dalam Jadual 3.

#### **5.0 PROSES RAYUAN**

Seseorang pengamal yang telah dikenakan tindakan di bawah Seksyen 27, boleh mengemukakan rayuan kepada Menteri sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis. Rayuan hanya boleh dikemukakan sekali sahaja dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Manakala, seseorang pengamal yang telah dikenakan tindakan di bawah Seksyen 37 boleh mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi sekiranya tidak berpuas hati dengan perintah Majlis.

## **6.0 TANGGUNGJAWAB PENGAMAL BERDAFTAR**

Seorang pengamal berdaftar tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang berikut:

- i. Pengamal hanya boleh mengamal bidang amalan yang didaftarkan dengan syarat mempunyai perakuan pengamalan pengamal berdaftar yang sah tempoh dan berkuat kuasa.
- ii. Pengamal boleh didaftarkan dalam satu atau lebih bidang amalan diiktiraf jika memenuhi kelayakan yang ditetapkan dalam bidang amalan tersebut.
- iii. Mempamerkan perakuan pengamalan (asal) di tempat amalan utama dan salinan perakuan pengamalan pengamal berdaftar yang telah disahkan di tempat amalan yang lain (jika ada).
- iv. Tidak boleh menggunakan, mendakwa atau mempamerkan kelayakan selain daripada kelayakan berkaitan dengan amalannya yang diiktiraf oleh Majlis.
- v. Semua pengamal berdaftar adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Akta 775, Peraturan PT&K 2021, Kod Tingkah Laku Professional untuk Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari dan lain-lain peruntukan perundangan yang sedang berkuatkuasa.

## **7.0 PEMBAYARAN FI DAN MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **7.1 Pembayaran Fi**

- i. Bayaran fi akan dikenakan seperti dalam Jadual 3.
- ii. Bayaran fi yang telah dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya permohonan tersebut ditolak atau pemohon menarik balik permohonan tersebut.
- iii. Bayaran boleh dibuat secara:
  - (a) Tunai (diterima sekiranya diserahkan di kaunter pendaftaran Cawangan Majlis PT&K sahaja); atau

- (b) Cek; atau
  - (c) Wang pos/ kiriman wang; atau
  - (d) Draf bank; atau
  - (e) Pembayaran dalam talian
- iv. Bayaran perlu dibuat kepada **Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari**.
- v. Segala urusan pembayaran mestilah dalam **Ringgit Malaysia (RM)** sahaja.

## 7.2 Maklumat Tambahan

- i. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.
- ii. Tiada pindaan dibenarkan selepas permohonan dihantar.
- iii. Permohonan lengkap hendaklah dihantar kepada:

Pendaftar, Majlis PT&K  
Cawangan Majlis Perubatan Tradisional & Komplementari  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Blok D, Aras Bawah, Jalan Cenderasari  
50590, Kuala Lumpur.

**NOTA:** Garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan tanpa apa-apa notis awal.

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi : Unit Pendaftaran dan Perakuan  
Cawangan Majlis Perubatan Tradisional & Komplementari  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Blok D, Aras Bawah, Jalan Cenderasari  
50590, Kuala Lumpur.

**Tel. pejabat** : 03-22798100  
**E-mel** : [smpk@moh.gov.my](mailto:smpk@moh.gov.my)  
**Laman web** : [www.moh.gov.my/tcm](http://www.moh.gov.my/tcm)

## JADUAL 1

### SENARAI KELAYAKAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN UNTUK PENGAMAL PTC DI BAWAH AKTA PT&K 2016

[\(Sila Rujuk Senarai Kelayakan Yang Boleh Didaftarkan Untuk Pengamal PTC Di  
Bawah Akta PT&K 2016\)](#)

**JADUAL 2****SENARAI NAMA KOLEJ PERUBATAN TRADISIONAL CINA TEMPATAN  
SEBELUM PENGUATKUASAAN AKTA PT&K 2016**

<b>Nama Kolej PTC Tempatan</b>	
i)	Kuala Lumpur Academy of Traditional Chinese Medicine
ii)	Traditional Chinese Medical Institute Malaysia
iii)	Pusat Latihan Perubatan Zhonghua Johor
iv)	Pusat Latihan Perubatan Zhonghua Pulau Pinang
v)	Pusat Latihan Perubatan Zhonghua (Georgetown)
vi)	Pusat Latihan Perubatan Zhonghua Malaya Utara
vii)	Perak Chinese Physician Training Institute
viii)	Bodhi Chinese Physicians Medical Centre
ix)	The Chinese Medical Institute of Sarawak
x)	Zhong Jing TCM Academy
xi)	TCM Specialist Academy
xii)	Ji Ting Academy of Traditional Chinese Medicine
xiii)	Oriental Academy of Chinese Medicine
xiv)	TAMA Acupuncture Academy Sdn Bhd
xv)	Shen Nong Training Centre

Pengamal PTC tempatan yang memperolehi Diploma PTC dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Tamat pengajian daripada kolej PTC tempatan yang disenaraikan seperti di Jadual 2; dan
- ii. Pengambilan pelajar mestilah dari 1 Januari 1955 sehingga 31 disember 2009

adalah layak dipertimbangkan sebagai pengamal yang mempunyai kelayakan setaraf dengan ijazah sarjana muda dan akan didaftarkan sebagai pengamal PTC.

**JADUAL 3****BAYARAN FI**

<b>Bil.</b>	<b>Keterangan</b>	<b>(RM)</b>
1.	Fi permohonan untuk pendaftaran sementara	50.00
2.	Fi permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar	100.00
3.	Fi permohonan untuk perakuan pengamalan pengamal berdaftar	50.00
4.	Fi permohonan untuk pembaharuan perakuan pengamalan pengamal berdaftar	50.00
5.	Fi permohonan untuk pengembalian perakuan pengamalan selepas penggantungan	50.00
6.	Fi untuk pemeriksaan atau membuat salinan atau mengambil cabutan butiran daripada daftar	10.00 satu pemeriksaan atau salinan atau cabutan butiran untuk setiap pengamal
7.	Fi permohonan untuk memasukkan semula nama ke dalam daftar	100.00

LAMPIRAN 1

ALIRAN PROSES PENDAFTARAN PENGAMAL PT&K WARGA TEMPATAN

